

KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN...

Semulia-mulia Mati Ialah di Jalan Allah!

Saudara-saudara anggota Ikhwan,

Tidak lama lagi akan tiba Hari Raya Haji yang juga dikenal dengan Hari Raya Korban, kerana pada hari itu kita disunatkan membuat korban, mengorbankan binatang-binatang iaitu mengambil sunat dari peristiwa Nabi Ibrahim *'alaihissalam*.

Saudara-saudara sekalian tentu telah mengetahui bagaimana Nabi Ibrahim mendapat wahyu (wahyu) daripada Tuhan memerintahkan supaya menyembelih anaknya Ismail sebagai perintah yang begini berat dipatuhi oleh Nabi Ibrahim satu pengorbanannya berbakti kepada Allah *subhānahu wa Ta'ālā*. Dan diterima pula dengan ikhlas oleh anaknya Ismail sehingga keduanya, ayah dan anak pergi ke suatu tempat untuk menjalankan perintah itu. Kepala anaknya ditutup, pisau dihunus dan ketabahan hati di antara anak dan ayah dilihat oleh malaikat tetapi pengorbanan yang tulus dan ikhlas itu dibahagikan Tuhan lalu digantikan Nabi Ismail dengan seekor kambing kibas, dan kerana itulah kita disunatkan mengadakan korban pada hari itu.

Bagaimana Nabi Ibrahim, sebagai seorang manusia boleh tabah hati melakukan perintah yang dasyat iaitu disuruh menyembelih anak yang dikasihinya? Bagaimana ia boleh yakin sedemikian rupa?

Cubalah saudara-saudara kaji sejarahnya, pada masa

Nabi Ibrahim manusia semua menyembah berhala. Nabi Ibrahim terfikir bagaimana berhala yang dibuat oleh tangan manusia sendiri dihormati dan diletakkan di suatu tempat lalu disembah – kepadanya mereka meminta sesuatu. Nabi Ibrahim berfikir dan hairan kerana berfikir itu lalu dicari olehnya siapa tuhan yang menjadikan manusia.

Dalam al-Quran surah al-An'ām dari surah 74 diriwayatkan bagaimana Nabi Ibrahim berkata kepada ayahnya yang menjadikan berhala itu sebagai Tuhannya, pada hal yang demikian itu daripada perbuatan yang sesat.

Nabi Ibrahim mencari Tuhan, maka Tuhan menunjukkan kepada Nabi Ibrahim akan kejadian langit dan bumi. Apabila datang malam dilihatnya sebuah bintang ia berkata: “Apakah ini Tuhanku?” Dan sesudah bintang itu hilang ia berkata: “Aku tidak suka kepada apa-apa yang hilang (yang berubah)”.

Begitulah tatkala Nabi Ibrahim melihat bulan, matahari dan seumpamanya, perubahan di antara siang dan malam, maka yakinlah ia bahawa yang Maha Suci Tuhan daripada barang yang berubah-ubah dan kerana itu ia menyeru kaumnya supaya beriman kepada Allah yang menjadikan sekalian alam ini.

Setelah melihat kepada saksi-saksi yang nyata maka dengan keyakinan yang penuh Nabi Ibrahim mengesakan Tuhannya dan dan untuk melaksanakan lebih jauh, Nabi Ibrahim bermunajat pula kepada Tuhan bagaimana Tuhan boleh menghidupkan barang yang telah mati supaya Nabi Ibrahim lebih yakin lagi – supaya hatinya tidak berganjak. Permohonan itu dikabulkan Tuhan memperlihatkan bagaimana empat ekor binatang yang dicincang lumat-lumat ditinggalkan kepalanya di suatu tempat lain. Badan dan lain anggotanya dicincang hingga hancur lumat kemudian diseru, maka berbaliklah binatang itu kepada kepala masing-masing kemudian hidup semula.

Apabila penyaksian itu dilihat dengan mata kepala sendiri, yakinlah ia akan kekuasaan dan kudrat Tuhan. Tetapi apakah tiap-tiap keyakinan itu tidak dicuba? Allah mencuba Nabi Ibrahim dengan percubaan-percubaan yang hebat, di antaranya diperintahkan menyembelih anak yang dikasihinya seperti yang diceritakan di atas.

Yang demikian ini, saudara-saudara anggota Ikhwan, mustahak diperhatikan bahawa untuk meyakinkan tauhid maka persaksikanlah kejadian alam dan isi-isinya, diselidiki dan kemudian tanya diri: Apakah kita sanggup berbuat demikian. Dan dengan itu tahulah bahawa kita ini satu makhluk yang lemah yang tidak sedikit pun mempunyai dan upaya kalau tidak mendapat kurnia dari Tuhan. Kerana itu berbaktilah saudara kepada Tuhan yang menjadikan kita.

* * *

Nun, demikian perjuangan di tanah Parsi, pada zaman khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭab, tentera Islam yang seramai 30,000 orang diperintahkan supaya menawan tanah Parsi yang tidak mahu menerima saranan Islam

dengan cara damai bahkan orang-orang Parsi menyiapkan seramai 170,000 orang askarnya untuk menentang Islam.

Sesudah pertemuan yang pertama maka orang-orang Parsi akhirnya berkubu di suatu tempat yang kebal yang apabila diserang akan menjadikan tentera Islam hancur lebur. Sesudah dikepung beberapa lama tidak ada juga ertinya bahkan akan membinasakan tentera Islam sendiri kerana itu dicari ikhtiar memancing mereka keluar dari perkubuan dengan menghantarkan pasukan berkuda yang handal.

Dengan pancingan itu tentera Parsi akhirnya keluar mengejar apabila melihat pasukan Islam yang mara itu undur perlahan-perlahan sehingga sampailah mereka di tempat yang terdedah sedang tentera Islam bersiap sedia. Panglimanya, Nuqman ibn Muqarrān dengan tenang menunggu-nunggu saat menyerang mereka itu dari tempat persembunyian mereka. Setelah mengatur kesiapan-kesiapan dan setelah mengatur pasukan mereka dengan sempurna maka Nuqman munajat kepada Tuhan dengan katanya: “Tuhanku! Kuatkanlah agama Engkau, beri pertolongan kepada hamba-hamba Engkau dan izinkanlah Nuqman menjadi orang yang pertama gugur pada hari ini untuk menegakkan agama Engkau”

“Tuhanku! Aku pohonkan kepada Engkau, supaya Engkau sedapkan matakku dengan dengan suatu kemenangan yang akan meninggikan Islam, dan ambillah aku sebagai pahlawan yang gugur di medan perjuangan di jalan Engkau”

Tersedu-sedu menangis pengikutnya melihat pahlawan Islam yang gagah perwira itu munajat supaya mati di medan perjuangan dalam membela agama Allah!

(sambungannya di muka 38)



Perjumpaan Hari Raya Pertubuhan “Muhammadiyah” Singapura yang telah diadakan di Arab Bunan baru-baru ini.

Bahasa Melayu ketika memakai huruf-huruf Jawi Melayu.

Nyata terdapat sebagai rancangan baru untuk

menyesuaikan dengan keadaan zaman.

Hal ini entah sengaja entah tidak, kata-kata yang bersifat atau bersendi keagamaan itu ditukar ejaannya menurut susunan baru. Hinggakan membawa maknanya berubah sesekali – tidaklah dapat diagak.

Kini ada sepihak yang cuba hendak menghidupkan huruf rumi sahaja, saya fikir ini kurang bijak dan semata-mata hendak menekan huruf pusaka – huruf kebangsaan kita. Jika disiasat di merata-rata kampung dan desa, bahkan di mana sahaja orang Melayu berada, mereka

lebih suka dan gambar kepada Tulisan Jawi - Tulisan Melayu itu.

Kalau pemerintah menghargai jiwa masyarakat Melayu dengan rasa keislaman, hendaklah berikhtiar dengan sedaya upayanya mengembalikan hak-haknya yang sebenar.

Akhirnya bukan sahaja dari segi memperkayakan perbendaharaan Bahasa Melayu, bahkan dari segi intisari Bahasa Melayu yang sebenarnya tersimpanlah di dalam huruf ‘Arab, huruf al-Quran al-Karim – huruf yang mudah membolehkan kita mengetahui firman dan hadis – mengkaji segala-gala kesucian dan kelebihan Islam.

(sambungan dari muka 13)

Tidak lama antaranya, Nuqman bertakbir tiga kali sebagai perintah menyerang sedang ia sendirian yang dahulu di hadapan menyerang musuh dengan gagah berani sehingga akhirnya ia menjadi yang pertama gugur di medan itu dari pihak Islam – kesudahan peperangan itu dimenangi oleh ummat Islam sehingga tentera Parsi

seratus ribu lebih yang binasa.

Lihat saudara-saudara, bagaimana semangat pahlawan Islam yang bercita-cita mati syahid membela agama Allah, kerana mereka yakin kepada firman Tuhan bahawa orang-orang yang syahid itu tidaklah mati tetapi sentiasa hidup di sisi Tuhan. Mati kerana membela agama Allah itulah kematian yang dicita-cita oleh orang yang beriman kepada Allah!